

MAHATHIR-PILIHANRAYA

1978

KUALA LUMPUR, 23 JULAI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEPUTUSAN PILIHANRAYA PARLIMEN DI SARAWAK MENUNJUKKAN PADA KESELURUHANNYA PILIHANRAYA KEBANGSAAN KALI INI TIDAK MENAMPAKKAN PEMILIHAN MENGIKUT KAUM.

TAMBAHNYA WALAUPUN TERDAPAT BEBERAPA ORANG ANGGOTA SUPP BERTANDING SEBAGAI CALON BEBAS, PARA PENGUNDI DI NEGERI ITU TETAP MEMILIH CALON-CALON DARI BARISAN NASIONAL.

PALING JELAS SEKALI JALAH DI KAWASAN BANDAR KUCHING DI MANA MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR TAN SRI ONG KEE HUI YANG BERTANDING ATAS TIKET BN MEMPEROLEHI MAJORITI 14,813 UNDI BERBANDING DENGAN HANYA 5,089 UNDI YANG DIDAPATI OLEH LAWANNYA DARI CALON BEBAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN RAKYAT MAHUKAN KESELAMATAN NEGARA DAN MEREKA TELAH MEMILIH CALON-CALON BN YANG MAMPU UNTUK MENJAGA KESELAMATAN DAN KEMAKMURAN.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KELAB-KELAB BELIA MALAYSIA (MAYC) DI SINI PAGI INI. — BERSAMBUNG 1508/YF

22

2573

MAHATHIR-PILIHANRAYA 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI YAKIN BN AKAN TERUS MENDAPAT KEPERCAYAAN RAKYAT DALAM PILIHANRAYA YANG AKAN DATANG.

MENURUTNYA, DENGAN KEMENANGAN ITU PARA PELABUR AKAN BERTAMBAH YAKIN TERHADAP IKLIM PELABURAN DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MEMBERITAHU, BELIAU AKAN MELAWAT BEBERAPA BUAH NEGARA TAHUN DEPAN TERMASUK AMERIKA SYARIKAT DAN JEPUN BAGI MENGALAKKAN KEMASUKAN LEBIH BANYAK PELABURAN ASING KE MALAYSIA.

BELIAU MENYATAKAN PARA PELABUR SEDAR KERAJAAN YANG ADA SEKARANG TIDAK AKAN BERTUKAR TANGAN DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG.

INI, JELASNYA, AMAT PENTING KERANA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MELABUR MODAL HANYA DAPAT MENGUMPULKAN KEUNTUNGAN SELEPAS LIMA TAHUN MENJALANKAN GERAKAN. — BERNAMA 1511/YF